



MEDIA STATEMENT

IMPLEMENTATION OF COVID-19 SCREENING PROGRAMME FOR FOREIGN WORKERS AT KOSSAN GROUP OF COMPANIES

KLANG, Selangor - Social Security Organisation (SOCSO) in collaboration with Qualitas Medical Group and Kossan Group of Companies are conducting a **COVID-19 Screening Programme for Foreign Workers in stages.**

The on-going screening test, which started on **3 December 2020**, **targets more than 8,000 workers, including 4,800 foreign workers.** It involves all **nine (9) manufacturing plants and three (3) corporate premises of Kossan Group of Companies in Selangor.** The programme runs for **12 to 14 days.**

"Large-scale programmes like this are a catalyst for other employers to conduct COVID-19 screening among their employees. Support from relevant parties such as private healthcare facilities and good commitment from employers can ensure that COVID-19 infection can be curbed from spreading in the workplace," said Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, SOCSO Chief Executive.

SOCSCO calls upon employers to play a bigger role in breaking the COVID-19 chain in the workplace. Based on information from the Ministry of Health Malaysia, several factors have been identified as contributors to the spread of COVID-19 among employees. Among them are accommodation of foreign workers, personal hygiene and the environment in the residence and workplace.

"Through Qualitas' large network of general practice, we are able to provide teams of doctors and medically trained personnel to conduct mass on-site screening at a location of the

employers' choice. Coupled with the technology that we have developed with our technology partner, employers can rest assured that on-site screening will be conducted in a timely, safe and efficient manner," said Dato' Dr. Noorul Ameen bin Mohamed Ishack, Executive Chairman of Qualitas Medical Group.

"Kossan adopts SOP and safety measures based on official procedures as announced by the National Security Council (MKN), the Ministry of International Trade & Industry (MITI), the Manufacturing Industry Association as well as related safety and health measures to ensure a safe workplace for our employees," said Lim Poh Lin, Corporate Affairs and Communications, Kossan Group of Companies.

The Government, on 27 November 2020, has set the COVID-19 screening procedure for all foreign workers working in Selangor, the Federal Territory of Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Penang, Sabah and the Federal Territory of Labuan. The screening is to be carried out in a targeted manner based on the red zone locality with a high density of foreign workers, starting from 1 December 2020.

More information on the COVID-19 Screening Programme for Foreign Workers is available on the PSP Portal (<https://psp.perkeso.gov.my>). Any inquiries can be made via email hsp@perkeso.gov.my or hotline **1-300-22-8000** or **03-4264 5089**.

9 DECEMBER 2020

For enquiries, please contact:

LIM POH LIN

Corporate Affairs & Communications
Kossan Group of Companies

comms@kossan.com.my

DR. JUNAIDI ISMAIL

Chief Business Development Officer
Qualitas Medical Group

junaidi@qualitashealth.com.my



KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI PEKERJA ASING DI KUMPULAN SYARIKAT KOSSAN

KLANG, Selangor – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan kerjasama Qualitas Medical Group serta Kumpulan Syarikat Kossan sedang mengadakan **Program Saringan COVID-19 Bagi Pekerja Asing secara berperingkat**.

Ujian saringan yang sedang berjalan ini, yang bermula sejak 3 Disember 2020, mensasarkan seramai **lebih 8,000 pekerja termasuk 4,800 orang pekerja asing**. Ia melibatkan kesemua **sembilan (9) premis perkilangan dan tiga (3) premis korporat Kumpulan Syarikat Kossan di Selangor**. Program berjalan selama **12 hingga 14 hari**.

“Program dengan skala besar seumpama ini menjadi pemangkin kepada majikan-majikan lain untuk menjalankan saringan COVID-19 di kalangan pekerja masing-masing. Sokongan daripada pihak yang berkaitan seperti fasiliti kesihatan swasta dan komitmen yang baik daripada pihak majikan dapat memastikan jangkitan COVID-19 boleh dibendung daripada merebak di tempat kerja,” ujar Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato’ Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO.

PERKESO menyeru agar pihak majikan memainkan peranan yang lebih besar dalam memutuskan jaringan COVID-19 di tempat kerja. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai penyumbang kepada penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja. Antaranya adalah tempat penginapan pekerja asing, kebersihan sendiri dan persekitaran di tempat tinggal serta tempat kerja.

“Qualitas memiliki doktor dan pegawai terlatih bagi mengendalikan ujian saringan di premis-premis yang ditentukan oleh para majikan. Berbekalkan teknologi yang telah kami bangunkan bersama rakan strategik, majikan tidak perlu bimbang kerana kami memberi jaminan bahawa ujian saringan akan dilakukan dengan selamat, cekap dan dalam masa yang ditetapkan,” ujar Dato’ Dr. Noorul Ameen bin Mohamed Ishack, Pengerusi Eksekutif Qualitas Medical Group.

“Pihak syarikat Kossan mengamalkan SOP dan langkah-langkah keselamatan berdasarkan tatacara rasmi seperti yang diumumkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI), pihak Persatuan Industri Pembuatan serta langkah-langkah kesihatan & keselamatan (*safety & health*) berkaitan untuk memastikan tempat bekerja adalah selamat untuk pekerja-pekerja kami,” kata Lim Poh Lin, Ketua Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi Kumpulan Syarikat Kossan.

Kerajaan, pada 27 November 2020 telah menetapkan prosedur pelaksanaan saringan COVID-19 kepada semua pekerja asing yang bekerja di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Saringan perlu dilaksanakan secara bersasar berdasarkan lokaliti zon merah yang mempunyai kepadatan pekerja asing yang tinggi mulai 1 Disember 2020.

Maklumat lanjut berkenaan Program Saringan COVID-19 Bagi Pekerja Asing boleh dirujuk di Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my>). Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui emel hsp@perkeso.gov.my atau talian hotline 1-300-22-8000 atau 03-4264 5089.

9 DISEMBER 2020

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi:

LIM POH LIN

Ketua Hal Ehwal Korporat & Komunikasi
Kumpulan Syarikat Kossan

comms@kossan.com.my

DR. JUNAIDI ISMAIL

Ketua Pegawai Pembangunan Perniagaan
Qualitas Medical Group

junaidi@qualitashealth.com.my